

Najib Tiba Di Tanah Air Selepas Melawat Amerika Syarikat
Bernama
1 Okt, 2013

SEPANG, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di tanah air Selasa selepas melakukan lawatan ke Amerika Syarikat dari 22 hingga 29 Sept lepas.

Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor tiba dengan pesawat khas di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini pada pukul 7 malam.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, beberapa pemimpin kerajaan serta parti komponen Barisan Nasional (BN) menyambut ketibaan perdana menteri dan isteri.

Dalam lawatannya ke Amerika Syarikat, perdana menteri mengetuai delegasi Malaysia ke Sesi ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat.

Beliau menyampaikan kenyataan pada Mesyuarat Peringkat Tertinggi Perhimpunan Agung PBB mengenai Perlucutan Senjata Nuklear pada 26 Sept dan Kenyataan Negara Malaysia dalam Debat Umum pada 28 Sept.

Selain itu, Najib turut menyampaikan ucapan pada majlis Asia Society serta mengadakan perjumpaan dengan tokoh industri utama negara Asean dan Amerika Syarikat semasa majlis makan tengah hari bersama US-Asean Business Council dan US Chamber of Commerce, selain menghos jamuan malam bersama rakyat Malaysia di New York.

Sebelum itu, Najib mengadakan lawatan kerja ke San Francisco bagi menghadiri mesyuarat agung tahunan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC).

Beliau mempengerusikan mesyuarat ke-3 GSIAC itu dan merasmikan forum peringkat tertinggi mengenai teknologi hijau yang disertai anggota majlis antarabangsa dan kebangsaan yang merupakan pakar global dalam sains dan inovasi.

GSIAC diasaskan oleh perdana menteri pada 2010 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan beliau untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi dengan mempertingkatkan keupayaan Malaysia dalam bidang sains dan inovasi.

Ketika di San Fransisco, Najib menghadiri mesyuarat ke-7 Panel Penasihat Antarabangsa Bioteknologi (BIO-IAP) dan melawat Silicon Valley, termasuk melakukan lawatan ke ibu pejabat Google, Twitter dan turut mengadakan pertemuan peribadi dengan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Facebook Mark Zuckerberg di ibu pejabat media sosial gergasi itu di Menlo Park.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982175>